



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 56**

**8hb Mei 2003**

**No. 10**

---

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 372.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BAHARU SEBAGAI GANTINYA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) hilang. Surat akuan Pers. 131/2003.

### JADUAL

Bandar—Kuala Lipis. No. Lot/Petak/P.T.—85 Sec 3. Jenis dan No. Hakmilik—Grn. 5573. Luas—2344 kaki persegi.

Bertarikh 7 April 2003.  
[PTG. Phg. 08/1945/2003]

Pendaftar Hakmilik Negeri,  
Pahang

**No. 373.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) diakui hilang Surat akuan Pers. 17/2003.

## JADUAL

Mukim—Gali. No. Lot—7267. Jenis dan No. Hakmilik—M 4095. Luas—1.246 hektar.

Bertarikh 8 April 2003.  
[P.T. Raub 4/1906/2003 (3)]

ANUAR BIN ABDUL RAHMAN,  
Pentadbir Tanah Daerah,  
Raub

**No. 374.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan Hakmilik Keluaran telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Burau. No. Lot—583. Jenis dan No. Hakmilik—GM 2. Luas—2 ekar 1 rood 18 pole.

Bertarikh 12 April 2003.  
[PTJ. 2.06.2/2003]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Jerantut

**No. 375.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan Hakmilik Keluaran telah hilang dari simpanan.

## JADUAL

Mukim—Luit. No. Lot—4947. Jenis dan No. Hakmilik—GM 703. Luas—2.332 hektar.

Bertarikh 17 April 2003.  
[PTM 3-4-0573]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Maran

**No. 376.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Liew Kwai Fon, yang beralamat E-1201 Tingkat 1, Jalan Wong Ah Jang, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur atau 2 Jalan Indah 2, Taman Indah Sungai Jelok, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawa saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada hari Selasa 17 Jun 2003 jam 3.30 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1) (c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. PT.—30141. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 27929. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 5373/99. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 31 Mac 2003.  
[PTK. 4-5-1-3130]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Kuantan

**No. 377.**

(Sekysen 264 (3))

#### NOTIS PENANGGUHAN LELONGAN AWAM

Kepada Encik Abdul Aziz bin Mohamad dan Esah @ Shamsidar binti Haji Ahmad, yang beralamat di A-7246 Taman Pantai Chempedak, Jalan Tengku Mahmud, Kuantan, pemegang gadaian/penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa Lelongan Awam bagi tanah/pajakan/pajakan kecil tersebut yang telah ditetapkan pada 26-3-2003 jam 10.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Kuantan, ditangguhkan kepada 25-6-2003 jam 10.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Kuantan.

Sila hadir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—23741. Jenis dan No. Hakmilik—GM 4925. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 908/83 Jilid 123 Folio 16. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 31 Mac 2003.  
[PTK. 4/5/1/2954 (13)]

ABDUL AZIZ BIN MD. YUSOF,  
Pentadbir Tanah Daerah,  
Kuantan

**NOTIS AM**  
**KANUN TANAH NEGARA**  
(Akta 56 tahun 1965)

**No. 378.**

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SESUATU GADAIAN

Kepada Pong Tau Huwat, 11 Lorong Galing 138, Jalan Air Putih, 25300 Kuantan, Pahang Darul Makmur, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya kamu telah melakukan satu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan:

Kegagalan membayar kepada pemegang gadaian, RHB BANK BERHAD (6171-M), ansuran bulanan yang mana kamu telah berjanji membayar mengikut peruntukan gadaian di mana jumlah yang dikehendaki dibayar di bawah gadaian ini kini berjumlah RM73,184.39 iaitu baki setakat 31 Januari 2002 berserta dengan faedah pada kadar 2.75% setahun di atas Kadar Pinjaman Asas kini iaitu 6.4% setahun atau 10.0% setahun yang mana rendah dengan kiraan bulanan mulai dari 1 Februari 2002 sehingga tarikh penyelesaian penuh yang merupakan syarat kemudahan pinjaman yang telah diberi oleh pemegang gadaian.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh Notis ini.

Kami sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penyampaian Notis ini.

Dan ambil perhatian, bahawa jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon untuk perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
		H.S.(M)			
Mukim Kuala Kuantan	P.T. 49632	40773	Semua	Tiada	Perserahan Gadaian No. 7339/97 Jilid 401 Folio 44
Daerah Kuantan					

Bertarikh 27 Ogos 2002.

RHB BANK BERHAD (6171-M)

NAMA: NG AIK HEE,

Surat Kuasa Wakil Jilid: P.T 101/2002

Bertarikh: 1-7-2002

Tandatangan [atau lain-lain bentuk  
Perlaksanaan oleh atau bagi pihak  
Penerima Gadaian]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA